

# Tindakan sebar hanya merugikan

Ahmad Razif kesal gambar lama Kompleks Taman Ilmu di Tembilola tular di media sosial

SEBRANG TAKIR - Menteri

Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman kesal dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab menyebarkan gambar lama Kompleks Taman Ilmu di Tembilola, Besut yang bertujuan membenarkan bunuk terhadap imej kerajaan negeri.

Jelas Ahmad Razif lagi, kesemua gambar yang tular kembali beberapa hari lalu yang memperlihatkan siling bocor, peralatan rosak dan sebagainya itu sebenarnya diambil ketika kawasan berkenaan terbengekai dan belum dibaik.

"Dengan apa yang dilakukan ini (sebar gambar lama) merupakan satu cubaan untuk gagalakan usaha kerajaan negeri menggunakan kembali kawasan berkenaan.

"Bayangkan kalau ada pelajar atau mana-mana syarikat yang berminat untuk melabur namun disebabkan perkara tidak betul (sebar gambar lama) ini mungkin ada yang menarik balik hasrat mereka itu.

"Kerugian bukan sahaja ter-

paksa ditanggung kerajaan, tetapi juga rakyat setempat kerana melalui pada Program Profesor Bersama Masyarakat di Masjid Tok Jembal, di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden Majlis Profesor Negara, Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose.

pada pemberita ketika ditemui Menurus Ahmad Razif lagi, rakyat diminta untuk tidak mudah percaya dengan berita tidak tepat itu kerana Kompleks Taman Ilmu kini semakin membangun sejak Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) mengguna-



Gambar-gambar lama di Kompleks Taman Ilmu Tembilola yang tular beberapa hari lalu.

Hari ini, saksikan sendiri salah satu projek mega TAMAN ILMU, Tembilola, Besut, Terengganu yang bernilai lebih daripada RM400 JUTA... Dibazirkan dengan sewenang-wenangnya oleh mereka BARISAN NASIONAL. Sedih bila melihat harta rakyat Malaysia digunakan sewenang-wenang tanpa ada rasa kekesalan sedikit pun oleh mereka. Aku tak perlu nak detalkan satu... Continue Reading



Ahmad Razif (depan) bersama tetamu kenamaan lain ketika menyempurnakan gimik pelancaran pusat kitar semula di masjid berkenaan.

"Dalam masa terdekat ini juga Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan menduduki kawasan berkenaan yang akan menempatkan enam fakulti.

"Selain itu, beberapa kolej swasta juga menunjukkan minat menduduki kawasan berkenaan dan pada 15 Februari ini, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusuoh akan mengumumkan universiti baharu yang akan ditempatkan di Taman Ilmu, Tembilola," katanya.

Tahun lalu, Kompleks Taman Ilmu, Tembilola itu beroperasi secara rasmi apabila UnisZA menduduki dua blok bangunan di kawasan itu tanpa sewaan selama 10 tahun, sebaliknya membilayai kos membaik pulih sebanyak RM20 juta.

Projek yang mula dibina pada 2004 dengan kos dikatakan hampir menecabah RM1400 juta di kawasan seluas 280 hektar terbengekai lama hingga mengakibatkan banyak ke-rosakan pada bangunan serta kecurian kabel.